



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

17 Disember 2020

KENYATAAN MEDIA

- 1) PAC Parlimen memandang serius isu kegagalan pembekalan enam (6) kapal peronda generasi kedua *Littoral Combatant Ship (LCS)* oleh Kementerian Pertahanan (MINDEF) membabitkan nilai perolehan sebanyak RM9 bilion, yang merupakan perolehan yang terbesar dalam sejarah MINDEF.
- 2) Pelantikan kontraktor utama iaitu Boustead Naval Shipyard (BNS) Sdn Bhd dilakukan secara rundingan terus. Sehingga Oktober 2020, sejumlah RM6.083 bilion telah dibayar dan tidak ada sebuah pun kapal LCS yang telah siap dibina walaupun mengikut jadual sepatutnya dua (2) kapal LCS telah siap dibina setakat ini.
- 3) Isu ini telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 1 (Pengauditan Pematuhan Kementerian / Jabatan Persekutuan) dan juga dalam Laporan Siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) Jabatan Perdana Menteri yang diterbitkan pada tahun 2019.

- 4) Kegagalan penyiapan kapal LCS ini adalah amat serius kerana ia bukan sahaja membabitkan kelemahan / kegagalan dari segi tadbir urus, perolehan dan kewangan tetapi juga memberikan impak terhadap keselamatan dan pertahanan negara.

- 5) Justeru itu, PAC Parlimen telah memutuskan untuk memanggil prosiding PAC untuk isu ini. Setakat ini, empat (4) mesyuarat dan prosiding dengan saksi-saksi yang telah dipanggil adalah seperti berikut:-
 - (i) 5 November 2020: Ketua Audit Negara, Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid;

 - (ii) 18 November 2020: Ketua Setiausaha Pertahanan Malaysia (MINDEF), Dato' Sri Muez Abdul Aziz;

 - (iii) 1/12/2020: Pengerusi JKSTUPKK, Tan Sri Ambrin Buang;

 - (iv) 16/12/2020:
 - (a) Ketua Setiausaha Pertahanan Malaysia (MINDEF), Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz;
 - (b) Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS (PPLCS), Laksamana Pertama Shaiful Bahri Baharuddin (28/08/2017 – sekarang);
 - (c) Mantan Ketua Pengarah PPLCS, Laksamana Pertama Azuwan Harun (09/01/2017 – 27/08/2017);
 - (d) Mantan Ketua Pengarah PPLCS Laksamana Muda Datuk Ir Mohd Shaiful Adli Chung Abdullah (02/02/2016 – 08/01/2017); dan
 - (e) Mantan Ketua Pengarah PPLCS Kepten (B) Azhar Jumat (26/12/2012 – 14/02/2016).

- 6) PAC Parlimen berpendapat bahawa suatu penyelesaian hendaklah diputuskan oleh Kerajaan secepat mungkin. Berikutan itu, adalah penting bagi PAC Parlimen untuk menyegerakan prosiding isu ini dan membentangkan laporannya ke Dewan Rakyat.
- 7) PAC Parlimen dengan itu akan menyambung prosiding PAC berhubung isu LCS pada awal bulan Januari dengan memanggil saksi-saksi yang selanjutnya, termasuk mantan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi, mantan Panglima Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Tan Sri Abdul Aziz Jaafar dan BNS Sdn Bhd, selaku kontraktor utama projek kapal LCS. PAC Parlimen juga akan menjalankan lawatan tapak pembinaan kapal LCS di Lumut, Perak pada Januari 2021.
- 8) PAC Parlimen berhasrat untuk melengkapkan dan membentangkan Laporan PAC berhubung isu pembekalan enam kapal generasi kedua LCS ini ke Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen pada Mac 2021.

Sekian, terima kasih.

YB Wong Kah Woh